

Bank di minta simpati pada usahawan2 berorientasi eksport

KUALA LUMPUR 28 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta bank - bank bersimpati dengan usahawan - usahawan terutamanya yang berorientasikan eksport kerana nasib mereka bergantung kepada institusi kewangan. "Bank - bank mestilah memandang ke hadapan dan tidak menolak setiap projek semata - mata kerana seseorang usahawan itu tidak membayar pinjaman. Mereka sepatutnya terus membahtu menjayakan projek yang berdaya maju apabila ekonomi pulih," tegas beliau. Berucap di majlis makan malam tahunan institusi - institusi kewangan di sini malam ini, beliau berkata membankrapkan semua usahawan hanya kerana kemelesetan ekonomi menjadikan mereka tidak mampu membayar hutang dan akhirnya tidak akan membantu

sesiapa sama ada si peminjam, bank atau negara. "Jika hanya emas yang dikehendaki sebagai cagaran, bank - bank juga harus ingat bahawa nilai logam itu juga menurun," jelas beliau lagi. Dalam setiap kemelesetan ekonomi, Perdana Menteri berkata, kerugian merupakan sesuatu yang tidak boleh dielakkan sama ada kepada seseorang usahawan atau bank. Apa yang penting katanya bukanlah kerugian, walau bagaimanapun pedihnya tetapi sama ada penyokong dan bank - bank boleh mengasingkan 'orang dewasa dari kanak - kanak'. Datuk Sri Dr. Mahathir juga menekankan bahawa langkah Malaysia untuk menceburi bidang pengilangan bukan sebagai pengganti bidang perlombongan atau perladangan tetapi

sebagai benteng kepada kedudukan harga komoditi yang tidak menentu. Beliau berkata, adalah tidak mudah untuk memasuki bidang pengilangan kerana Malaysia tidak mempunyai sebarang kebolehan istimewa dan terpaksa bersaing dengan negara - negara yang lebih berpengalaman.

"Ini bermakna kita akan menghadapi persaingan dan biasanya ia tidak akan menguntungkan pendatang baru. Ramai dari kita akan jatuh dan kita juga akan membuat banyak kesilapan dan terpaksa menanggung bebannya.

"Tetapi jika kita yakin dalam masa depan kita bergantung kepada mempelbagaikan kegiatan memasuki bidang pengilangan, kita terpaksa terus mara," jelas beliau.

Beliau berkata, para usahawan memerlukan sokongan dan galakan memandang mereka terpaksa menghadapi persaingan sengit dari usahawan luar dan tanpa sokongan dari pihak tempatan, usahawan - usahawan yang 'gagahpun akan mengaku kalah'. Kerajaan katanya, telah membuat banyak usaha untuk menggalakkan sektor pengilangan tetapi pihak lain juga perlu memberikan sumbangan termasuk bank.

"Bank - bank tidak seharusnya terburu - buru membankrapkan seseorang usahawan itu yang kelihatan seperti akan jatuh," jelas beliau lagi. Perdana Menteri berkata, adalah menjadi tanggungjawab bank membctulkan sebarang tanggapan buruk yang telah dicetuskan oleh rakyat Malaysia yang tidak bertanggungjawab di seberang laut terhadap kestabilan negara ini.